BULETIN Geospatia SEKTOR AWAM

edisi 2017



Menarik di dalam

edisi 2017

- **PROJEK PEMBANGUNAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP)**
- **Artikel Teknikal**
- **Aktiviti MyGDI**

Terbitan:
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Putrajaya

KANDUNGAN / SIDANG PENGARANG

ARTIKEL TEKNIKAL

BUAL BICARA BERSAMA PENGARAH MaCGDI PROJEK PEMBANGUNAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP)

KOLABORASI MyGOS

ROLE OF THE DEPARTMENT OF SURVEY AND MAPPING MALAYSIA (DSMM) ON THE CADASTRAL SURVEY AND THE SIGNIFICANCE OF NATIONAL DIGITAL CADASTRAL DATABASE (NDCDB) TO THE NATION

MONITORING AND QUANTIFYING LANDSCAPE CHANGES USING GEOINFORMATION TECHNOLOGIES

KUMPULAN KERJA INFRASTRUKTUR DATA SPATIAL MARIN

AKTIVITI MyGDI

LAWATAN DARI WORLD BANK GROUP

PAMERAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PROGRAM *TEENAGERS ENGAGEMENT TOWARDS ENVIRONMENT AND NATURE – ADOPT A SCHOOL*

LAWATAN KERJA UNIT PERANCANG EKONOMI (EPU), JABATAN PERDANA MENTERI

PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN ICT & GEOSPATIAL JABATAN ALAM SEKITAR

LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PELAJAR KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN BIOSISTEM (KBP), KURSUS PENGURUSAN INFORMASI TANAH, FAKULTI KEJURUTERAAN, UPM

LAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), JOHOR BAHRU

PAMERAN SEMPENA TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) NRE 2017

LAWATAN AKADEMIK *LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY*

PAMERAN SEMPENA *SEABED SURVEY DATA MODEL SHOWCASE (SSDM) 2017*

LAWATAN DARIPADA *DELEGASI MINISTRY OF LAND REFORM AND MANAGEMENT*, NEPAL

LAWATAN KERJA *TAIWAN GEOGRAPHIC INFORMATION SOCIETY*

TAKLIMAT *STAKEHOLDERS ENGAGEMENT* BERKAITAN POLISI, TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN BAGI PEMBANGUNAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP) KEPADA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

KUNJUNGAN HORMAT MENTERI TANAH REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN GEOSMART ASIA 2017

LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DIPLOMA GEOMATIK, KOLEJ SAINS GEOSPATIAL & TEKNOLOGI (GSTC)

LAWATAN DAN SESI *STAKEHOLDERS ENGAGEMENT* BERSAMA *ISKANDAR REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY* (IRDA) DAN *UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME* (UNDP)

LAWATAN KERJA *NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE*, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (NCRC-UUM)

Penaung

YBhg. Dato' Sri Haji Azizan bin Ahmad
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Penasihat

YBhg. Dato' Haji Suhaimi bin Haji Mamat
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ketua Editor

Hajah Norizam binti Che Noh
Pengarah
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)

Editor

Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompang

Sr Mohamed Sofian bin Abu Talib

Masitah binti Abd Kadir

Hajah Norbaiyah binti Sukor

Sr Siti Zainun binti Mohamad

Sr Mohd Noor bin Wagiran

Sr Zuhaidah binti Nordin

Sr Fauzani binti Azam

Sr Nor Zuraini binti Abdul Rahim

Sharefah Nor Aliah binti Shareh Nordin

Sr Mohd Najib bin Hussin

Kan Ya A/P Ke Ang

Azeleen binti Mohd Razali

Gs. Mohamad Syukri bin Haron

Mohd Anuar bin Janamin

Reka bentuk / Jurufoto

Muhammad Hazwan bin Mohd Omar

Siti Farihah binti Adnan

Norsham binti Mohamed Noh

Muhamad Nurikma bin Amir Hamzah

Penerbit

Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62572 PUTRAJAYA
Tel : 03-8886 1156
Faks : 03-8889 4851
www.mygeoportal.gov.my

Penafian: Kesahihan dan ketepatan penulisan atau pendapat adalah tertakluk pada cetusan idea penyumbang artikel.

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Salam Negaraku, Alam Sekitarku.



Alhamdulillah, marilah kita sama-sama melafazkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita dapat bertemu sekali lagi di Buletin Geospatial Sektor Awam (BGSA) Edisi 2017 ini. Sekilas pandang, sejak penubuhan MaCGDI pada tahun 2002, sebanyak 18 penerbitan BGSA telah diterbitkan.

Dalam usaha menyokong Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan satu inisiatif pembangunan negara merangkumi tahun 2020 hingga 2050, inisiatif NRE melalui MaCGDI akan dipacu melalui tema TN50 NRE iaitu "Negaraku, Alam Sekitarku".

Tiga (3) tahun lagi iaitu pada tahun 2020, negara kita akan mencapai status sebuah negara maju. Daripada sebuah negara maju, kita harus menyasar untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam bidang ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Teknologi geospatial juga harus berkembang seiring dengan zaman. Jika dahulu, kita masih menggunakan peta di atas kertas untuk merujuk kepada maklumat yang ingin dicari, tetapi kini maklumat telah berada di hujung jari. Malahan, akses kepada maklumat geospatial boleh didapati daripada mana-mana peranti, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Menyedari akan cabaran ini, dalam memperkasa tadbir urus dan perkongsian maklumat geospatial, MaCGDI telah memainkan peranan penting bagi membangunkan Pelan Induk Geospatial Negara (NGMP). Pelan ini dijangka siap pada Mei 2018 sebagai usaha dalam merealisasikan potensi teknologi geospatial, sejajar dengan TN50. NGMP yang bakal dihasilkan akan menjadi medium perubahan yang akan memacu lonjakan perubahan prestasi pembangunan geospatial di Malaysia selain memperkasa Program Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI).

Justeru, penerbitan BGSA Edisi 2017 ini telah dirangkumkan dengan pelbagai intipati termasuk NGMP yang sedang dibangunkan. Pembaca juga berpeluang membaca artikel-artikel teknikal berkaitan geospatial dan laporan-laporan aktiviti MyGDI seperti kursus, mesyuarat, bengkel dan lawatan daripada universiti-universiti tempatan serta lawatan daripada pelbagai agensi antarabangsa dan tempatan ke MaCGDI.

Saya berbesar hati mempelawa semua pembaca memanfaatkan informasi yang dikongsikan dalam naskhah ini dan diharapkan terbitan ini dapat merancakkan pembangunan industri geospatial negara. Sesungguhnya, kejayaan negara dalam melaksanakan projek pembangunan yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang tinggi, bergantung kepada ketersediaan maklumat geospatial yang boleh dipercayai dan tepat pada masanya.

Sekian, terima kasih.

HAJAH NORIZAM BINTI CHE NOH
Pengarah MaCGDI

BUAL BICARA BERSAMA
YBRS. PUAN HAJAH NORIZAM BINTI CHE NOH, PENGARAH MaCGDI

PROJEK PEMBANGUNAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP)

S Boleh Puan terangkan pelaksanaan Projek NGMP ini?

J Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) sedang menyediakan Pelan Induk Geospatial Negara (NGMP) merupakan satu dokumen pernyataan bertulis yang mengandungi cadangan-cadangan yang merangkumi pembangunan khususnya dalam mewujudkan Dasar Geospatial Negara, Rang Undang-Undang (RUU) Geospatial Negara, Struktur Tadbir Urus Geospatial Negara, Kerangka *Enterprise Architecture* Geospatial Negara dan Pelan Strategik Geospatial Negara untuk tempoh 10 tahun dengan menggunakan perkhidmatan perunding Tetuan Azaine & Fakhrul. Tempoh pelaksanaan pembangunan NGMP ini adalah selama 23 bulan, bermula dari Jun 2016 sehingga Mei 2018.

Sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah transformasi Negara maju, pengurusan geospatial secara terancang turut menjadi agenda penting dalam alaf ini kerana ia mampu untuk memantapkan perkhidmatan kerajaan dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Matlamat untuk menjadikan Malaysia Negara Maju perlu disokong oleh perancangan dan tindakan yang menyeluruh dengan mengarusperdana penggunaan maklumat geospatial dalam pelbagai sektor. Usaha sama daripada semua pihak untuk merangsang transformasi pengurusan maklumat geospatial akan memudahkan matlamat tersebut direalisasikan.

Penyediaan dan pelaksanaan NGMP adalah penting sebagai satu tindakan untuk mencapai hasrat kerajaan menjadikan 'Malaysia Negara Maju Menjelang Tahun 2020'. Usaha ini dilihat sebagai langkah proaktif pihak kerajaan untuk mengorak langkah lebih jauh ke hadapan dalam merealisasikan potensi teknologi



geospatial, sejajar dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-11 yang berteraskan Enam (6) Strategi Tumpuan iaitu; Pertama : Inklusiviti; Kedua : Kesejahteraan Rakyat; Ketiga : Modal Insan; Keempat : Pertumbuhan Hijau; Kelima : Infrastruktur; dan Keenam : Inovasi dan Produktiviti.

Pembangunan dan pengurusan geospatial negara yang strategik akan menjadi pemangkin ke arah lonjakan yang signifikan bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

S **Apakah objektif yang perlu dicapai bagi projek ini?**

J Bagi melaksanakan NGMP, beberapa objektif yang spesifik telah dinyatakan dalam Terma Rujukan (TOR) dan perlu dicapai. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut:

1) Memantapkan urus tadbir geospatial negara melalui pengukuhan, pelaksanaan dan penyelarasan serta penguatkuasaan yang lebih berkesan;

2) Merangka hala tuju strategik bagi pembangunan infrastruktur/mekanisme perkongsian, penggunaan, perundangan serta penguatkuasaan dalam bidang maklumat geospatial negara secara cekap dan efisien bagi mencapai matlamat pembangunan negara yang mampan melalui pertumbuhan hijau berteraskan maklumat geospatial serta meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi negara; dan

3) Memperkasa program Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI – Malaysia Geospatial Data Infrastructure) dalam pengurusan maklumat geospatial yang lebih jelas dan menyeluruh ke arah pewujudan *spatially enabled government*.

S **Boleh Puan terangkan kepentingan setiap output yang akan dihasilkan daripada projek ini?**

J Bagi projek ini, terdapat lima (5) output dokumen yang akan dihasil iaitu:

i. **Draf Dasar Geospatial Negara** merupakan hala tuju yang menggariskan tujuan, prinsip dan objektif serta matlamat strategik bagi pembangunan dan pengurusan geospatial negara.

ii. **Draf Rang Undang-undang** merupakan cadangan bagi mewujudkan satu perundangan negara dalam pengurusan geospatial yang akan dibentuk bagi campur tangan kerajaan Malaysia dalam memantau dan mengawal industri geospatial negara.

iii. **Cadangan Tadbir Urus Geospatial Negara** adalah cadangan sebuah struktur organisasi yang diberi kuasa mengawal selia peraturan industri berdasarkan kuasa yang termaktub di dalam perundangan negara yang diwujudkan untuk melaksanakan dan menggalakkan objektif dasar nasional kerajaan untuk semua sektor yang menguruskan, mengendali serta menggunakan maklumat geospatial.

iv. **Cadangan *Enterprise Architecture*** adalah cadangan kerangka sebuah arkitektur geospatial mengenai tadbir urus bisnes dan hubungannya dengan sumber-sumber teknologi, aplikasi, maklumat bagi mencapai objektif masa kini dan masa hadapan dalam pengurusan geospatial negara.

v. **Cadangan Pelan Strategik Geospatial Negara** merupakan satu pelan tindakan nasional bagi tempoh 10 tahun yang akan menjadi rujukan nasional. Ianya menggariskan hala tuju pengurusan geospatial negara bagi meningkatkan kecekapan pengurusan geospatial negara, menjana pendapatan dan daya saing negara, mengawal kedaulatan negara serta mewujudkan keharmonian alam sekitar dengan penduduk.

S **Apakah pendekatan yang diguna pakai dalam melaksanakan projek ini?**

J Pada Februari 2016 lalu, NRE telah memanggil semua jabatan dan bahagian di NRE termasuk wakil-wakil dari MAMPU, JPA, MOF, EPU dan beberapa agensi lagi bagi membincangkan TOR. Penglibatan awal semua pihak di peringkat awal projek telah banyak membantu dan memudahkan pihak MaCGDI untuk mengenal pasti skop dan TOR tawaran tender yang perlu dikeluarkan. TOR yang dikeluarkan ini adalah komprehensif, menyeluruh dan boleh dilaksanakan oleh perunding. Saya berharap pendekatan secara kolaborasi sebegini akan dapat diteruskan di sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Besarlah harapan saya agar semua pihak dapat bekerjasama dan membantu pihak MaCGDI pada bila-bila masa dalam menyediakan sumber-sumber yang diperlukan sama ada berbentuk modal insan, data dan maklumat mahupun fasiliti-fasiliti sedia ada.



Mesyuarat *Kick-Off* NGMP dipengerusikan oleh
YBhg. Dato' Sri Haji Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE



Mesyuarat NGMP bersama YB. Datuk Seri Dr. Haji Wan Junaidi
bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NGMP Bil. 1/2017 dipengerusikan
oleh YBhg. Dato' Dr. Nadzri bin Yahaya,
Mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), NRE

Dalam RMKe-11 telah jelas menyatakan peranan NRE untuk membangunkan dasar dan perundangan dalam pengurusan maklumat geospatial negara yang mana kedua-kedua elemen ini akan dapat menyokong pertumbuhan hijau negara. Oleh itu, pada hari ini kita bersama-sama perunding yang dilantik perlu berganding bahu secara kolektif, atas semangat satu pasukan untuk menghasilkan hasrat negara ini. Apa yang paling penting adalah memastikan semua sumber sedia ada dapat digembleng secara optimum bagi memastikan projek dilaksanakan secara paling cekap, berhemah dan menjimatkan kos.

S **Sejauh mana MaCGDI melibatkan penglibatan *stakeholders* dalam menjayakan NGMP ini?**

J Kami banyak menjalankan mesyuarat yang melibatkan *stakeholders*. *Stakeholders Engagement* merupakan salah satu platfom dan kaedah pendekatan dalam projek untuk membolehkan setiap wakil *stakeholders* yang terpilih memberikan input bagi pembentukan NGMP yang mampan untuk tempoh 10 tahun akan datang. Ianya juga bertujuan memastikan setiap *stakeholders* yang terlibat dalam pembangunan NGMP berada di dalam landasan yang sama. Selain itu, mesyuarat bersama *stakeholders* dapat mengenal pasti laluan komunikasi dan tanggungjawab semua *stakeholders* di dalam pembangunan geospatial Negara. Hasil daripada sesi *Stakeholders Engagement* akan membolehkan pihak konsultan mengambil pendekatan menyeluruh berdasarkan bukti dan analisis terperinci.

S **Mengapa projek ini penting untuk dilaksanakan dan harapan Puan mengenai projek ini?**

J Pembangunan Infrastruktur Data Geospatial memainkan peranan yang penting sebagai pemangkin bagi perkembangan penyampaian maklumat yang berkesan dan menjadi sumber maklumat geospatial yang strategik kepada perancangan pembangunan dan keselamatan negara.

Melangkah ke hadapan, lantaran perkembangan teknologi geospatial dan permintaan yang tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan terbaik dari pelbagai pihak, Malaysia memerlukan satu perubahan untuk beralih menjadi sebuah negara yang mampu menyediakan perkhidmatan geospatial secara efisyen dalam memacu pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial negara.

Harapan saya, NGMP yang bakal dihasilkan akan menjadi medium perubahan yang akan memacu lonjakan perubahan prestasi pembangunan geospatial di Malaysia.

KOLABORASI BERSAMA AGENSI KERAJAAN MELALUI MyGOS

Disediakan oleh:
Seksyen Geoportal dan Multimedia
Cawangan Pembangunan Sistem, MaCGDI



ABSTRAK

Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara / *Malaysian Centre for Geospatial Data Infrastucture* (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar (NRE) telah dipertanggungjawabkan dalam mengurus MyGDI. MyGDI merupakan program nasional inisiatif kerajaan bagi menyediakan infrastruktur perkongsian maklumat geospatial ke arah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kegunaan data/maklumat geospatial dalam pembangunan negara.

Melalui program MyGDI, MaCGDI telah mengambil inisiatif dalam membangunkan Geospatial Data Centre (GDC) bagi perkongsian data dan pelbagai aplikasi GIS seperti MyGDI Explorer, MyGDI Data Services, MS1759, MyGeoname, MyGeotranslator, MyGOS yang boleh diakses oleh pengguna secara interaktif melalui MyGeoportal.

Inisiatif ini adalah semata-mata untuk memudahkan agensi kerajaan berkongsi dan mengakses maklumat geospatial secara dalam talian, tepat dan kos efektif. Ia juga akan dapat mengelakkan pertindihan usaha pengutipan dan penghasilan maklumat geospatial. Ini secara langsung akan dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Artikel ini akan menerangkan mengenai kolaborasi bersama agensi kerajaan melalui perkhidmatan MyGOS yang berkonsepkan perkongsian map servis *collect once use by many* iaitu berkongsi data secara maya serta pengemaskinian data boleh dibuat secara dalam talian dalam persekitaran yang selamat.

PENGENALAN MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MyGOS)


MyGOS telah dibangunkan pada Jun 2013 dengan menggunakan platform *ArcGIS Online* secara kaedah langganan di mana langganan ini perlu diperbaharui setiap tahun. Pada tahun 2015, MyGOS telah dimigrasi kepada platform *Portal for ArcGIS*. Pada tahun 2016, MyGOS telah diletakkan di dalam server Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di bawah seliaan unit MAMPU.

Portal MyGOS merupakan satu platform perkongsian maklumat geospatial bagi Agensi Kerajaan secara dalam talian yang membolehkan perkongsian maklumat dilakukan tanpa perpindahan data secara fizikal dalam persekitaran selamat. Tujuan utama dibangunkan adalah untuk membantu agensi kerajaan yang tiada kemudahan infrastruktur seperti perisian dan perkakasan GIS, menggalakkan perkongsian dan penggunaan maklumat geospatial, membolehkan pengguna yang tiada pengetahuan GIS menggunakan maklumat geospatial dengan mudah tanpa memerlukan perisian *Desktop* GIS, menyumbang kepada penjimatan kos perolehan perkakasan dan perisian GIS oleh agensi-agensi terlibat serta sebagai platform untuk berkongsi maklumat secara dalam talian dalam persekitaran yang selamat.

KELEBIHAN FUNGSI-FUNGSI DALAM MyGOS


- **Pengurusan Dokumen**

Pengguna boleh menguruskan dokumen terhad, sulit atau umum secara tersusun dengan menggunakan fungsi '*My Content*'. Format dokumen yang boleh dimasukkan adalah seperti .pdf, .jpg dan lain - lain. Melalui fungsi ini, pengguna boleh berkongsi dokumen secara atas talian dan selamat.




- ***Web Map***

Memudahkan pengguna untuk membuat pemetaan dengan pantas secara dalam talian. Pengguna turut boleh mereka bentuk peta tersebut dengan kreativiti dan penampilan yang menarik seperti menukar saiz / icon *symbology*, membuat *labels* dan lain - lain.




- **Pembangunan Aplikasi GIS**

Pengguna yang tidak mempunyai latar belakang GIS boleh membangunkan aplikasi GIS dengan cara yang mudah dimana terdapat pelbagai *widget* mengikut kesesuaian tanpa perlu pengaturcaraan.



- **Perkongsian Maklumat**

Maklumat samada yang terhad atau tidak boleh dikongsi dengan menggunakan Fungsi 'Groups'.



- ***Storymap***

Pengguna dapat membangunkan *storymap* dengan membuat penceritaan mengenai sesuatu kronologi kejadian atau tempat / lokasi yang menarik. *Storymap* ini adalah paparan interaktif yang mempunyai peta serta maklumat asas mengenai penceritaan.



- **Mencerap maklumat geospatial**

Pengguna boleh mencerap maklumat geospatial melalui *smartphones* secara *offline* atau *online* dengan menggunakan fungsi 'Collector for ArcGIS'.



- ***Dashboard***

Pengguna dapat memaparkan hasil analisis yang interaktif untuk dibentangkan kepada pengurusan atasan.



KOLABORASI BERSAMA AGENSI KERAJAAN

MaCGDI telah mula berkolaborasi dengan Agensi Kerajaan melalui platform MyGOS sejak tahun 2013. Bagi kolaborasi ini, terlebih dahulu agensi perlu melalui proses khidmat runding bagi mengenal pasti keperluan agensi tersebut. Setelah persetujuan dicapai, proses seterusnya adalah membangunkan aplikasi dan data, agensi akan diberi *user ID* bagi capaian kepada MyGOS bagi tujuan persekitaran yang selamat.

Ini merupakan salah satu inisiatif dari MaCGDI dalam program transformasi awam untuk merealisasikan pelaksanaan dan perkongsian maklumat geospatial secara kolaborasi strategik. Sehingga kini, terdapat 75 Agensi Kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan MyGOS dalam Pembangunan dan Pelaksanaan GIS di Agensi masing-masing. Jadual 1 menunjukkan status terkini maklumat projek Agensi Kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan MyGOS secara aktif.

Melalui perkhidmatan MyGOS, Agensi telah dapat mengemaskini dan mengakses maklumat geospatial secara dalam talian dan *real – time* serta membantu dalam membuat keputusan, merangka strategi serta menganalisis maklumat dengan cepat dan tepat. Perkongsian maklumat geospatial adalah gabungan strategik yang membawa faedah sinergi kepada semua agensi yang terlibat. Ini membolehkan integrasi data dilakukan untuk manfaat semua dan bukan terhad kepada kepentingan sesuatu agensi sahaja.

PENJIMATAN KOS KERAJAAN

Setiap agensi yang ingin membangunkan aplikasi dan memproses data GIS memerlukan kos perolehan yang tinggi seperti kos perkakasan, kos perisian dan sumber manusia. Bagi penggunaan MyGOS, agensi hanya perlu berkolaborasi dengan MaCGDI dan tidak lagi perlu membuat perolehan yang mana menjimatkan kos kerajaan.

Rajah 1 dan Jadual 2 menunjukkan anggaran penjimatan kos bagi perolehan dan perkongsian data.

Kesimpulan dari jadual tersebut menunjukkan setiap jabatan yang ingin membangunkan projek GIS dapat menjimatkan penggunaan wang kerajaan dengan anggaran sebanyak RM310,000.

PENUTUP

Impak pada projek kolaborasi ini secara tidak langsung berlakunya perkongsian data dan penambahan lapisan data daripada pelbagai agensi yang mana sebelum kolaborasi pihak agensi hanya mempunyai data tersendiri sahaja. Melalui MyGOS, agensi boleh menambah nilai serta berkongsi dengan pelbagai data sama ada terhad atau tidak secara dalam talian, tepat, cepat dan kos efektif.

Justeru itu, komitmen dari semua pihak amat perlu bagi meningkatkan lagi penggunaan MyGOS ke arah transformasi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.


Jadual 1: Maklumat Projek Kolaborasi bagi Kementerian / Agensi

Bil	Jabatan/Agensi	Maklumat Projek
1	Kementerian Pendidikan Tinggi	Projek Pemetaan IPTA, IPTS
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)	Projek Maklumat Geospatial Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
3	Kementerian Kerja Raya	MyRoad-Pedia
4	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)	Projek Maklumat Geospatial Loji Rawatan Air dan Empangan
5	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)	Projek GIS APM
6	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)	Projek Maklumat Geospatial APMM
7	Pusat Bank Data Negara & Inovasi (NADI), ICU JPM	Projek Pemetaan Sekolah Dhaif
8	Pusat Zakat Melaka	Projek Pemetaan Lokasi Prospek Zakat Melaka
9	Pusat Hidrografi Nasional	Projek Maklumat Geospatial Marin SDI
10	Lembaga Getah Malaysia	Projek Maklumat Geospatial Ladang Getah
11	Halal Industry Development Corporation	Projek Pemetaan Halal Hab dan Restoran Halal
12	Jabatan Kerja Raya Malaysia	Projek Monitoring Potholes
13	Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	Projek Maklumat Geospatial Penilaian Hartanah
14	Majlis Keselamatan Negara	Projek GIS Pengurusan Bencana
15	Jabatan Perangkaan Malaysia	Projek GIS Jabatan Perangkaan
16	Perbadanan Putrajaya	Projek Maklumat Geospatial Putrajaya
17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Aplikasi Pemetaan Veterinary Online Maps (VENOM)

Jadual 2: Anggaran Penjimatan Kos Perolehan Perkakasan dan Perisian

No.	Perkakasan / Perisian	Kos (RM)
1.	Server	30,000.00
2.	Operating System	5,000.00
3.	ArcGIS Server	170,000.00
4.	ArcGIS Dekstop	50,000.00
5.	Microsoft SQL	55,000.00
Jumlah		**310,000.00**





Rajah 1: Graf Anggaran Penjimatan Kos Perkongsian Data

INTERVIEW WITH YBHG. DATO' SR HASAN BIN JAMIL, FORMER DIRECTOR GENERAL OF SURVEY AND MAPPING MALAYSIA


EXPLAINS THE ROLE OF THE DEPARTMENT OF SURVEY AND MAPPING MALAYSIA (DSMM) ON THE CADASTRAL SURVEY AND THE SIGNIFICANCE OF NATIONAL DIGITAL CADASTRAL DATABASE (NDCDB) TO THE NATION

Q **What is your opinion on the current cadastral system in Malaysia?**

A The principal components of the cadastral system in Malaysia are land registration and cadastral surveying. Land is a state matter, while survey is a federal matter. State land is under the purview of state land authorities, and federal land is under the Department of Director General of Land and Mines, while the Department of Survey and Mapping Malaysia (DSMM) is responsible for carrying out the survey and determine land boundaries in Peninsular Malaysia and Federal Territory (FT) Labuan. The principal law governing the land registration and the cadastral survey practice in Peninsular Malaysia and FT Labuan is the National Land Code, 1965 (NLC, 1965) and the philosophies of the Torrens System is widely present in the said statute. The NLC, 1965 requires a land parcel's boundary to be described by right lines, demarcated on the ground with boundary marks, recognised with a lot number, the land area to be calculated, mapped and certify it on a Certified Plan (CP). A Title Plan (B1 Tiff Plan) is then produced, which is a copy of the CP for the issuance of a Final Title that completes the land registration process. Both of the land registration and cadastral survey system has undergone a modernisation process of which eventually expedite the land related delivery system.

Q **What is NDCDB?**


A NDCDB is a cadastral database that stores more than 7 million lot parcels in Peninsular Malaysia and FT Labuan. NDCDB was developed to replace the Digital Cadastral Database or commonly known as PDUK. Compared to PDUK, NDCDB was developed to be GIS friendly and therefore is readily available in either shapefiles or tab files. Each cadastral lots are also given a unique parcel identifier to enable data integration and data sharing. NDCDB can be immediately utilised for data integration, sharing and convergence provided the same common coordinate reference system as NDCDB which is the Geocentric Cassini coordinate system is optimised. Otherwise, a set of transformation coordinate parameters endorsed by DSMM is required for coordinate transformation. The NDCDB contains million of cadastral fabrics' spatial information that has been surveyed since the department's first cadastral work, 130 years ago in Johor. It does contain some information that is required for preparing a Land Title, which has legal significance to land owners. However, it should be noted that at the end of the day, the CP and subsequently B1 Tiff Plan remains the conclusive evidences for any land boundary disagreement in the court of law as the document was approved based on the fact that permanent boundary marks were correctly emplaced on the land parcel of which was in accordance with the cadastral survey information described on the CP, of the said time. This condition, however, should not hamper the use of NDCDB for other purposes specifically for land management. It may have no direct legal



implication, but it holds the authorised value of the spatial component that reflects the people and land relationship and the cadastral survey data is perceived as survey accurate unless proved otherwise.

Q **What in your opinion makes the NDCDB having legal significance?**

A Sec 412(1)(a), NLC 1965 (Revised 2008), states any extraction from the digital cadastral database for the preparation of B1 Tiff Plan is permitted. The term digital cadastral database is generic and may refer to any of the many databases available in the cadastral survey system, including NDCDB. Rationally the role of NDCDB for Title Plan extraction does not apply for pre-eKadaster land parcels as the vectors, and cadastral surveyed data have been readjusted and re-coordinated to the new geocentric coordinate system and does not reflect the exact information of the original CP. Instead, the *Sistem Pengurusan Imej Digital* database or SPID should be distinguished for surveyed plan repository. The NDCDB is pertinent for Title Plan extraction for land parcels surveyed under the eKadaster environment with the condition any survey plans extracted from it are perceived correct at the time it was approved and dated by the respective survey authorities and are valid, and the plans remain valid for the legal purpose of defining boundaries unless proved otherwise. On that note, it is the survey plans (CP and B1 Tiff Plan) that have legal significance and not NDCDB. NDCDB, however, have the authorised spatial values with a particular spatial tolerance, of more than 7 million survey accurate land parcels that are useful for land management and land-based activities, especially for planning purposes. It should be noted that NDCDB is still being upgraded with the aim to have a seamless spatial accuracy of +/- 0.05m in urban areas and +/- 0.1m in rural areas, as more than 280,000 land parcels are of low-class accuracy while nearly 120,000 land parcels in the 'relative NDCDB' are yet to be populated into the primary NDCDB. Currently, the NDCDB contains two (2) types of data; the primary NDCDB – that has been verified and accepted as survey accurate by using absolute positioning survey and the



Picture 1: Top - Lot 999 shown on the Certified Plan and Bottom – the same lot shown with other cadastral fabrics in the NDCDB


Picture 1 source: JUPEM2U Terengganu

'relative NDCDB' – that has been verified and accepted as relatively correct by using the relative surveying methods and computation. 'Relative NDCDB' is a temporary database and is the outcome of the non-seamless accuracy of NDCDB which is either due to the previously lower class survey, poor cadastral control network connections, undeveloped, remote land or simply blunder errors. To rectify the situation, further investigation and surveying quality processes according to NDCDB blocks are required by utilising the Localised Adjustment & Append Module (LAAM) and subsequently the NDCDB Updating Management Module (NUMM) application software. The NDCDB blocks are eventually updated and populated into the primary NDCDB, and the NDCDB blocks are then archived from the 'Relative NDCDB.'

Q **What do you think of the significance of the NDCDB's spatial accuracy to its users?**

A Accuracy wise, spatial data depends mostly on the data collection tools. The best surveying instruments for cadastral survey

available in DSMM can provide an accuracy of millimeters and less rigid survey methods are rejected in favour of more reliable ones by DSMM to ensure consistent accuracy. This also means the cadastral survey data stored in NDCDB is based upon high-class survey and a coordinated system. Unfortunately, users and stakeholders views regarding NDCDB spatial tolerance have never been established. The positional spatial accuracy of the NDCDB is accurate however is not seamless where some plots are of higher accuracy compared to the other plots. The reasons to this are primarily because not all final surveyed land parcels data in Peninsular Malaysia can be populated into the NDCDB. A complete NDCDB is when the following 'missing' databases are also readjusted, re-coordinated and repopulated into the primary NDCDB, namely 'relative NDCDB,' 3rd Class and Demarcation layer, and Transition Lots. All these databases stores land parcel lot that have also been approved with the CP and its corresponding Title Plans. Their spatial accuracies are not as accurate and survey accurate as NDCDB, but their spatial existence does help for planning purposes. To rectify the 'missing' databases, denser cadastral control networks are required and so does resurvey, tie-up survey and upgrade survey exercises. Then only, the desired and seamless accuracy of the NDCDB can be achieved. NDCDB may not have direct significance to landowners as their respective Land Title has already provided indefeasibility of title and boundary




Picture 2: NDCDB (orange polygon) overlayed with building footprint



Picture 3: NDCDB (green polygon) overlayed with orthophoto

Picture 2 & 3 Source: SmartKadaster Interactive Portal



Picture 4: NDCDB (green polygon) overlayed with 3D models

Picture 4 Source: SmartKadaster Interactive Portal

marks are emplaced correctly to avoid land dispute or encroachment. However, for land authorities or stakeholders such as planners, land developers and surveyors be it in the government or private sectors NDCDB does provide excellent spatial accuracy and homogeneity of data that is sufficient to initiate their respective works or tasks. The more accurate the NDCDB is, the better the spatial analysis will be and therefore accurate decision making can be achieved like accurate land acquisition calculation at the planning stage. The NDCDB can also be overlayed with other data such as building footprints that enable smart planning such as avoiding historic buildings on a particular lot parcel for road networking planning and development.

Q What can you describe the role of NDCDB in building the nation?

A The development of NDCDB has opened the possibility of implementing the Multipurpose Cadastre in Malaysia. This means sustainable land governance is doable when the single purpose of cadastre which focuses on land registration can now be extended to a multipurpose environment. NDCDB is important as the basic data for any GIS analysis specifically when it is land related. To enable the multipurpose environment, other additional data namely textual data, geospatial data, and modelings should be incorporated to allow a real world analysis and to give meaningful land-based analysis, i.e., land value, land owner, land use, etc. A more accurate decision making is possible at the planning stage of any land development. Indirectly, this will save time and cost for development as risk and errors of investment can be reduced at an early stage by developers or investors. Ultimately, the separation of cadastre and maps can be reduced and facilitate user for analysing potential investment, planning sustainable development and better enforcement to address the end-to-end needs of the people and the nation comprehensively. Apart from that, the NDCDB must be 'complete' and integrated with Qualified Land Title (QT) layers to factually show the full and complete population of cadastral lots available and its whereabouts for accurate cadastre analysis. Objects attached to the land parcel such as buildings and additional textual data such as street addresses allows more analysis to be conducted, hence better analysis. Combined with other geospatial data and modeling, the analysis result will be more meaningful. Thus accurate decision making can be made. Other than that, land rights, restrictions, responsibilities, and risks can be linked holistically to property, land, and natural resources consequently enable the delivery of prudent land management and good governance to support sustainable development.

Q How important is NDCDB for land-based analysis?


A NDCDB provides the land and people relationship and therefore should be used as the fundamental layer to conduct land-based analysis in a GIS application. It is also one of the key components of Malaysia's geospatial reference frame and should be optimised to any land-based analysis. To enable accurate land based decision making, some elements are required. Otherwise, the analysis would be incomplete or insufficient for decision making. For instance, NDCDB as the base map, a reliable GIS system, authorised transformation coordinate parameters from DSMM for coordinate transformation and a common coordinate reference system. For large-scale analysis, the common reference coordinate system should adopt the Geocentric Cassini coordinate system as accurate spatial data is required. However, if a small scale analysis is needed, a different and suitable common coordinate reference

> **"The more accurate the NDCDB is, the better the spatial analysis will be and therefore accurate decision making can be achieved like accurate land acquisition calculation at the planning stage."**
>
> ***– YBhg. Dato' Hasan Bin Jamil, Former Director General of Survey & Mapping Malaysia***

SELANGOR – Pada 3 April 2017, MaCGDI telah menerima jemputan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia untuk menyertai pameran sempena Persidangan ICT & Geospatial anjuran Seksyen GIS, Bahagian Teknologi Maklumat, JAS. Persidangan peringkat Jabatan ini telah diadakan di Grand Ball Room, Hotel Bangi-Putrajaya.



Persidangan ini bertujuan untuk memberi penerangan hala tuju JAS dalam skop teknologi maklumat dan geospatial serta memberi pendedahan teknologi terkini kepada pihak pengurusan atasan serta pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung. Dianggarkan sekitar 140 orang peserta yang terdiri daripada penyelaras IT & GIS JAS setiap negeri telah hadir ke persidangan ini.



YBhg. Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajuib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah dijemput untuk merasmikan persidangan ini. Semasa sesi lawatan ke booth MaCGDI, beliau telah diberi penerangan berkaitan peranan MaCGDI sebagai peneraju kepada program MyGDI. Selain itu, beliau juga ditunjukkan dengan aplikasi 1Malaysia Map yang dibangunkan khusus untuk pengguna awam dalam perkongsian maklumat geospatial. Pegawai MaCGDI yang bertugas juga menerangkan mengenai aplikasi-aplikasi lain yang terdapat di MaCGDI. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan daripada peserta persidangan.



Melalui persidangan ini, MaCGDI berpeluang mempromosikan program MyGDI kepada umum di samping menyokong Jabatan lain di bawah NRE di dalam aktiviti geospatial. Selain MaCGDI, pameran ini juga turut disertai oleh Seksyen GIS, Bahagian Teknologi Maklumat JAS, Telekom Malaysia, Dell, Aldercy Creation dan Esri Malaysia.

LAWATAN AKADEMIK DARIPADA PELAJAR KEJURUTERAAN PERTANIAN DAN BIOSISTEM (KBP), KURSUS PENGURUSAN INFORMASI TANAH, FAKULTI KEJURUTERAAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

18 APRIL 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA – MaCGDI telah menerima lawatan akademik yang diiringi oleh Encik Rasydan Ahmad bin Ahmad Daud berserta 17 pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM). Pihak delegasi telah disambut oleh Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompang, Timbalan Pengarah, Cawangan Polisi & Pembangunan Standard serta wakil daripada Seksyen Pembangunan Standard, Seksyen Aplikasi MyGDI dan Seksyen Geoportal dan Multimedia MaCGDI.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi mendapatkan pendedahan mengenai sistem yang digunakan oleh pihak MaCGDI dalam pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan maklumat geospatial. Sepanjang sesi lawatan ini, para pelajar telah diberikan penerangan dan taklimat berkaitan Program Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI) termasuk pembentangan aplikasi MyGDI Explorer yang boleh digunakan oleh para pelajar untuk membuat carian berkaitan geospatial, aplikasi 1Malaysia Map yang boleh diguna pakai oleh para pelajar untuk membuat carian *point of interest* (POI) seperti perpustakaan, tempat-tempat menarik dan sebagainya. Para pelajar juga turut dimaklumkan bahawa fasa yang akan datang 1Malaysia Map akan ditambahbaik dengan modul navigasi, *routing* dan *mobile apps* serta bekerjasama dengan lebih banyak agensi-agensi Kerajaan dan *government link company* (GLC) untuk menghasilkan aplikasi yang lebih menepati keperluan pengguna khususnya rakyat Malaysia.

Selain itu, para pelajar turut diberikan taklimat berkaitan aplikasi MyGeoname serta fitur tambahan yang akan dimasukkan dalam pembangunan fasa baru aplikasi tersebut. Turut dikongsi juga adalah tatacara kerja belakang tabir dan rakaman dialek sesuatu kawasan bagi modul audio yang merupakan antara ciri unik aplikasi tersebut. Tidak ketinggalan, para pelajar juga dimaklumkan dengan penerangan berhubung ketersediaan data dan prosidur permohonan data daripada MaCGDI.

Sepanjang sesi taklimat ini, pihak delegasi aktif mengambil bahagian dalam sesi perbincangan dua hala dan segala persoalan yang diajukan telah berjaya dijawab. Sesi ini telah membantu para pelajar untuk lebih memahami fungsi dan peranan Program MyGDI dan MaCGDI. Selain daripada itu, perbincangan turut melibatkan isu-isu semasa dan perkembangan geospatial di Malaysia. Lawatan akademik ini berakhir dengan sesi bergambar sebagai tanda kenangan.





LAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM), JOHOR BAHRU

4 MEI 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA – MaCGDI telah menerima kunjungan daripada 38 orang pelajar tahun tiga (3), subjek Aplikasi GIS dan Remote Sensing (SGHG 3553), Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (FGHT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru. Para pelajar ini telah diiringi oleh dua (2) orang pensyarah fakulti iaitu Dr. Mohammad Zakri bin Tarmidi dan Encik Wan Hazli bin Wan Kadir.

Tujuan lawatan akademik ini adalah untuk memberi pendedahan dan pendekatan yang lebih luas dalam subjek yang sedang dipelajari, meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta merapatkan hubungan antara pelajar dan pihak industri.

Lawatan akademik ini telah dipengerusikan oleh Puan Aminah binti Sabudin, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Sistem, MaCGDI. Beliau turut diiringi oleh pegawai-pegawai MaCGDI yang membentangkan mengenai pengenalan MaCGDI dan Program MyGDI, MyGDI Explorer, 1Malaysia Map, MyGOS, MyGeoname serta prosedur permohonan data MyGDI.

Harapan MaCGDI agar pelajar dan pensyarah yang menyertai lawatan akademik ini dapat menambah pengetahuan dan melihat dengan lebih luas perkembangan semasa industri geospatial khususnya pelaksanaan Program MyGDI yang diterajui oleh MaCGDI. Di akhir lawatan, pihak UTM mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada MaCGDI kerana sudi menerima kunjungan lawatan akademik ini.





PAMERAN SEMPENA TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) NRE 2017

11 MEI 2017

Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Gambang, Pahang

GAMBANG – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Program Dialog TN50: Aspirasi Masa Depan Alam Sekitar Negara Kita di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kampus Gambang. Program ini dihadiri lebih 1000 orang pelajar dari UMP dan beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kawasan sekitar bertujuan mendapatkan aspirasi dan maklum balas daripada golongan belia berhubung isu alam sekitar demi menjayakan Program TN50.

Program dialog ini telah diterajui oleh YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE dan Prof. Dato' Dr. Daing Nasir bin Ibrahim, Naib Canselor UMP, selaku moderator. Turut hadir dalam program ini ialah YB Datuk Ir. Dr. Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE dan Dato' Sri Haji Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha NRE.

Bersempena program ini, turut diadakan acara penanaman pokok pada sebelah pagi yang turut melibatkan dif-dif kehormat sebagai simbolik menjamin kelestarian alam sekitar. Selain itu, bagi memeriahkan program ini, turut diadakan *pre-engagement activity* sebelum sesi dialog bermula. Para belia yang hadir diberikan penerangan ringkas berkaitan program ini bagi menggalakkan mereka untuk menyampaikan idea atau aspirasi mereka terhadap negara dan alam sekitar menjelang tahun 2050. Para belia juga digalakkan untuk menzahirkan aspirasi melalui *post-it note* dan menampal di ruang yang telah disediakan, mengisi borang/ *flyers* dan juga boleh dilakukan secara dalam talian (*online*).

Aktiviti pameran turut diadakan sepanjang program ini berlangsung. Sebanyak 11 agensi/ jabatan bawah NRE yang terlibat sebagai peserta pameran. Antaranya ialah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Jabatan Biokeselamatan (JBK), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dan MaCGDI. Agensi/ jabatan yang mengambil bahagian telah menggunakan peluang ini untuk menyampaikan fungsi-fungsi dan peranan agensi/ jabatan masing-masing dalam menjaga sumber asli dan alam sekitar negara.

Semasa di booth MaCGDI, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan bagi menarik minat belia. Antara pengisian di *booth* MaCGDI adalah diadakan penerangan berkaitan fungsi MaCGDI dalam menyokong usaha Kementerian dalam program TN50. Pelbagai aktiviti permainan turut diadakan seperti permainan *Mix, Match & Map* dan *Crossword puzzle* bagi menguji pengetahuan am dan geografi para pengunjung.

Kementerian memandang serius dengan isu alam sekitar selaras dengan fungsi Kementerian. Kementerian juga mengambil keputusan untuk meminda beberapa undang-undang alam sekitar agar ia selaras dengan situasi semasa. Melalui program ini juga, Kementerian berharap dapat melahirkan generasi dan bakal barisan pemimpin negara yang peka dengan soal pemuliharaan alam sekitar serta amanah menjaga alam sekitar negara.



LAWATAN AKADEMIK *LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY*

18 MEI 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA - Seramai 24 pelajar antarabangsa *Bachelor of Civil Engineering, Faculty of Architecture and The Built Environment* daripada *Limkokwing University of Creative Technology* telah mengadakan lawatan akademik ke MaCGDI. Pelajar-pelajar tersebut telah diiring oleh dua (2) pensyarah iaitu Encik Amr Abdulrahman Aziz Salah dan Encik Ir. Shuhaili bin Mohamad. Kunjungan mereka telah disambut dengan mesra oleh pegawai MaCGDI.

Lawatan ini merupakan lawatan sulung oleh pihak Limkokwing University ke MaCGDI. MaCGDI dipilih kerana ianya merupakan organisasi yang terlibat secara langsung dalam bidang Sistem Maklumat Geografi (GIS). Lawatan ini dapat memberi pendedahan dan menambah pengetahuan mengenai GIS dalam kegunaan bidang kejuruteraan awam. Ini kerana subjek GIS baru diperkenalkan dalam pengajian mereka.

Lawatan akademik ini telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI. Beliau turut diiringi oleh pegawai-pegawai MaCGDI yang membentangkan mengenai pengenalan MaCGDI dan Program MyGDI, MyGDI Explorer, 1Malaysia Map, MyGOS serta prosedur permohonan data geospatial MyGDI.



Pihak MaCGDI berharap agar pensyarah dan para pelajar Limkokwing University yang menyertai lawatan akademik ini dapat menambah pengetahuan dan melihat dengan lebih jelas perkembangan semasa teknologi GIS dan industri geospatial khususnya Program MyGDI yang dibangunkan oleh MaCGDI. Pada akhir lawatan, pihak Limkokwing University mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada MaCGDI kerana sudi menerima kunjungan lawatan akademik ini. Lawatan akademik ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.





PAMERAN SEMPENA *SEABED SURVEY DATA MODEL SHOWCASE* (SSDM) 2017

23 MEI 2017

Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)

KUALA LUMPUR – MaCGDI telah menyertai pameran SSDM yang telah dianjurkan oleh Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dengan kerjasama Ogeosies Sdn. Bhd. Bengkel ini telah disertai oleh lebih 100 peserta yang terdiri daripada PETRONAS Carigali Sdn. Bhd. (PCS), *Vendor* (*survey contractor*), PETRONAS Asset Team, Pusat Hidrografi Nasional (PHN) dan MaCGDI.

SSDM ini dianjurkan bertujuan untuk memberikan kesedaran dan promosi kepada komuniti geospatial di Malaysia berkaitan perkembangan terkini SSDM. Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan dengan penggunaan platform SSDM berkaitan pengurusan, simpanan, *visualise* dan pertukaran maklumat data *seabed survey*. Kelebihan data SSDM adalah menggunakan format GIS berbanding sebelum ini, menggunakan *unstructured* CAD format. PETRONAS turut berkongsi pengalaman penggunaan SSDM Versi 2 yang telah dikeluarkan oleh International Association of Oil and Gas Producers (IOGP) pada awal tahun ini.

Pelbagai pengisian telah diadakan oleh pihak penganjur bagi menjayakan bengkel ini iaitu sesi perkongsian melalui pembentangan berkaitan SSDM, poster *presentation* dan pameran. Sebanyak lima (5) pembentangan termasuk satu (1) sesi *Key Note* telah diadakan. Pembentangan yang telah dibuat adalah meliputi pelbagai input baru seperti standard yang digunakan dalam *seabed survey*, keperluan bagi *PETRONAS Procedures and Guidelines for Upstream Activities* (PPGUA) dan sebagainya. PETRONAS telah berkongsi pengalaman tentang perlaksanaan SSDM di PETRONAS. PHN juga turut berkongsi pengalaman agensi terbabit dalam aktiviti berkaitan *seabed survey*.

Selain MaCGDI, antara vendor-vendor yang mengambil bahagian dalam poster *presentation* ialah Ogeosis Sdn. Bhd., FUGRO, Sapura Kencana, Asiangeos, Hurricane Geo Inspector Survey (HGIS) dan PHN.

MaCGDI amat berbesar hati kerana menerima kunjungan Mr. Eric Enderson, *Head of EGPS*, diiringi oleh Encik Razali Ahmad, *Head of Geomatic,* PETRONAS, ke *booth* MaCGDI bagi mengetahui dengan lebih dekat fungsi MaCGDI serta bertukar maklumat bersama pegawai MaCGDI yang hadir. MaCGDI turut mengambil peluang ini berkongsi peranan MaCGDI sebagai agensi penyelaras data geospatial di Malaysia serta membentangkan aplikasi-aplikasi MaCGDI kepada peserta yang hadir. Melalui penyertaan ini, MaCGDI berpeluang untuk mengetahui perkara berkaitan *seabed survey* dan perkembangan terkini serta dapat bertukar-tukar pandangan bersama komuniti marin yang hadir. Usaha ini sangat berjaya dalam mengetengahkan trend terkini yang diguna pakai oleh PETRONAS selain dapat mengeratkan hubungan komuniti geospatial yang hadir. Semoga kerjasama sedia ada ini akan berkembang dan berterusan pada masa akan datang.





LAWATAN DARIPADA DELEGASI *MINISTRY OF LAND REFORM AND MANAGEMENT*, NEPAL

9 JUN 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA – MaCGDI telah menerima lawatan delegasi dari *Ministry of Land Reform and Management,* Nepal seramai empat (4) orang yang diketuai oleh Mr. Arjun Raj Pant (*Under Secretary, Ministry of Land Reform and Management*, Nepal) dan turut dihadiri oleh pegawai daripada JUPEM. Pihak delegasi telah disambut oleh pegawai MaCGDI yang diketuai oleh Sr Ahmad Akhir bin Tompang, Timbalan Pengarah Cawangan Pembangunan Polisi dan Standard. Lawatan selama lima (5) hari ke Malaysia adalah bertujuan untuk mendapat maklumat mengenai pengurusan tanah di Malaysia. Selain MaCGDI, pihak delegasi turut berkunjung ke agensi lain seperti JUPEM, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan (JKPTG) dan PLANMalaysia.

Semasa sesi lawatan, pihak delegasi telah diberikan penerangan berkaitan peranan dan fungsi MaCGDI, Program MyGDI serta turut berkongsi maklumat berkaitan Aplikasi Teras Tanah yang dikendalikan oleh MaCGDI. Sepanjang sesi pembentangan, perbincangan dua hala telah diadakan dan pihak delegasi telah memberikan maklum balas yang baik. Pihak delegasi turut berkongsi perkembangan pengurusan tanah dan geospatial di Nepal. Pihak MaCGDI dan delegasi turut bertukar momento sebagai tanda kenangan dan diakhiri dengan sesi bergambar bersama.







LAWATAN KERJA *TAIWAN GEOGRAPHIC INFORMATION SOCIETY*

13 JULAI 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA - MaCGDI telah menerima lawatan kerja antarabangsa daripada 15 orang delegasi *Taiwan Geographic Information Society* (TGIS). Lawatan kerja ini diketuai oleh Prof. Dr. Feng-Tyan Lin serta diiringi oleh dua (2) orang pegawai Syarikat KQ GEO Technologies dari Malaysia.

TGIS merupakan Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) dari negara Taiwan yang dianggotai oleh individu-individu profesional dan ahli-ahli akademik bertujuan untuk membantu menjalankan aktiviti geospatial serta pembangunan standard Sistem Maklumat Geografi (GIS) di Taiwan. Lawatan kerja ini telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI. Ia bertujuan untuk melebarkan hubungan antara TGIS dengan agensi-agensi geospatial di luar negara termasuk Malaysia serta memberi pendedahan kepada ahli-ahli TGIS mengenai aktiviti geospatial yang diaplikasikan di Malaysia.



Pihak MaCGDI telah membentangkan mengenai MaCGDI, Program MyGDI, aplikasi 1Malaysia Map dan aplikasi MyGOS. Pihak TGIS turut berkongsi pengalaman berkaitan aktiviti geospatial di negara Taiwan iaitu pembangunan bandar Kaohsiung yang menggunakan teknologi geospatial. Selepas Malaysia, TGIS dijangka akan mengadakan lawatan kerja ke Singapura.

MaCGDI berharap agar objektif lawatan kerja ini tercapai dan pihak TGIS berpuas hati dengan hospitaliti yang telah disediakan. Ketua delegasi mengucapkan terima kasih kepada MaCGDI kerana sudi menerima kunjungan mereka. Lawatan kerja ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderamata dan sesi bergambar.



TAKLIMAT *STAKEHOLDERS ENGAGEMENT* BERKAITAN POLISI, TADBIR URUS DAN PERUNDANGAN BAGI PEMBANGUNAN PELAN INDUK GEOSPATIAL NEGARA (NGMP) KEPADA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

19 JULAI 2017

Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Blok A, Kementerian Kerja Raya

KUALA LUMPUR – MaCGDI telah mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) untuk sesi taklimat *Stakeholders Engagement* berkaitan polisi, tadbir urus dan perundangan bagi pembangunan Pelan Induk Geospatial Negara (NGMP).

Sesi taklimat ini telah dipengerusikan oleh Encik Jayamohan M. Thamalingam, Timbalan Setiausaha Bahagian II, Bahagian Perancang Jalan, KKR manakala pasukan MaCGDI telah diketuai oleh Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompang, Timbalan Pengarah, Cawangan Pembangunan Polisi dan Standard, MaCGDI. Taklimat ini adalah merupakan lanjutan daripada sesi *Stakeholders Engagement* yang pernah diadakan kepada semua pemegang taruh NGMP pada awal tahun ini.

Pegawai-pegawai MaCGDI turut berpeluang membentangkan mengenai aplikasi MyGDI Explorer, 1Malaysia Map dan aplikasi MyGOS kepada pegawai yang hadir. Sesi taklimat ini telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk memahami dengan lebih jelas berkaitan NGMP yang sedang dibangunkan. Tambahan pula, KKR merupakan salah satu Kementerian yang menjadi agensi tunjak program MyGDI dan pemegang taruh utama dalam pembangunan NGMP.

Pihak MaCGDI berharap agar objektif taklimat ini tercapai dan pihak KKR berpuas hati dengan maklumat yang telah disampaikan. Di akhir sesi taklimat, Encik Jayamohan mewakili pihak KKR mengucapkan terima kasih kepada MaCGDI atas usaha yang telah dilaksanakan dan berharap ianya akan memberi manfaat kepada Kerajaan dan rakyat pada masa hadapan.







KUNJUNGAN HORMAT MENTERI TANAH REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH

3 OGOS 2017

Bilik Mesyuarat Berlian, Aras 17, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA – YB Dato' Seri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Encik Shamsur Rahman Sherif, Menteri Tanah Republik Rakyat Bangladesh. Kunjungan hormat Menteri Tanah Republik Rakyat Bangladesh ini turut disertai oleh delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi pengurusan Kementerian tersebut.

Susulan daripada sesi kunjungan hormat ini juga, satu sesi pembentangan telah diadakan. Sesi ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Che Roslan bin Daud, Timbalan Ketua Pengarah (SKPP), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Turut hadir bersama adalah beberapa pegawai pengurusan NRE yang terdiri daripada wakil-wakil dari Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP) selaku urus setia, JKPTG, JUPEM, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta MaCGDI. Pengisian pembentangan ini adalah berkaitan pengurusan organisasi dan tanah di Malaysia. Wakil-wakil dari Jabatan dan Bahagian di bawah NRE telah membentangkan mengenai pengurusan organisasi dan tanah di Jabatan dan Bahagian masing-masing. MaCGDI selaku agensi yang dipertanggungjawabkan dalam mengurus pembangunan Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI) telah membentangkan berkaitan Program MyGDI serta aplikasi yang telah dibangunkan berkaitan maklumat tanah di Malaysia.

Pihak delegasi Bangladesh menzahirkan rasa gembira dan berpuas hati dengan sesi pembentangan yang telah diadakan serta mengagumi teknologi geospatial yang telah dibangunkan di Malaysia. Mereka turut mengalu-alukan kunjungan balas delegasi NRE ke Bangladesh pada masa akan datang.

Kunjungan hormat sebegini diharap dapat memberi peluang kepada MaCGDI melalui NRE untuk mempromosikan program dan aktiviti MyGDI kepada delegasi luar negara serta meningkatkan hubungan baik kedua-dua buah negara. Di akhir kunjungan, sesi fotografi bersama dan penyampaian cenderamata oleh NRE kepada pihak delegasi telah diadakan sebagai tanda kenangan.







PAMERAN SEMPENA PERSIDANGAN GEOSMART ASIA 2017

22 – 24 OGOS 2017

Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

PUTRAJAYA – Persidangan GeoSmart Asia 2017 dengan tema *Commercialization and Commoditization of Geospatial Information* telah diadakan pada 22 hingga 24 Ogos 2017 adalah merupakan anjuran Geospatial Media and Communications Sdn. Bhd. dan Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sebagai penaja bersama. Persidangan ini turut melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sebagai *Government Partners*.

Persidangan GeoSmart Asia 2017 ini telah dirasmikan oleh YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri NRE. Turut hadir ke majlis perasmian tersebut ialah YB. Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE dan YBhg. Dato' Haji Suhaimi bin Haji Mamat, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli), NRE. Persidangan ini diadakan bagi memberi tumpuan untuk mempromosikan teknologi dan aplikasi geospatial dalam pelbagai sektor pembangunan. Sejak dianjurkan pada tahun 2002, persidangan ini telah mengembara ke beberapa negara seperti Thailand, Malaysia, China, Indonesia, Singapura dan Vietnam. Pada tahun ini, penyertaan peserta adalah sebanyak 1000 orang perwakilan profil tinggi daripada pelbagai bidang seperti dasar, teknologi, pengguna dan komuniti akademik di rantau ini.

Sempena Persidangan GeoSmart Asia 2017 turut diadakan pameran yang telah disertai oleh 33 agensi daripada pelbagai negara. YB Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri NRE telah mengadakan lawatan ke ruang pameran dan turut diiringi oleh Mr. Sanjay Kumar, CEO, Geospatial Media and Communications Sdn. Bhd. Antara pempamer yang turut serta adalah FARO, ESRI Malaysia, AAM, Bentley dan banyak lagi. Pihak Kementerian turut diberi peluang menyertai pameran ini. Penyertaan ini merupakan platform kepada pihak MaCGDI sebagai agensi yang menyelaras aktiviti-aktiviti geospatial di Malaysia khususnya melibatkan agensi-agensi kerajaan untuk mempromosikan aktiviti geospatial yang telah dilaksanakan. Penyertaan dan penglibatan pihak MaCGDI dan Kementerian pada persidangan ini adalah sangat bermanfaat dalam meningkatkan komunikasi, bertukar-tukar pendapat antara pelbagai pihak yang terlibat dalam bidang geospatial sama ada dari dalam dan luar negara.







LAWATAN AKADEMIK PELAJAR DIPLOMA GEOMATIK, KOLEJ SAINS GEOSPATIAL & TEKNOLOGI (GSTC)

23 OKTOBER 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA - MaCGDI telah menerima lawatan akademik daripada dua (2) orang Pensyarah dan 43 orang pelajar jurusan Diploma Geomatik, Kolej Sains Geospatial & Teknologi (GSTC). Para pelajar yang hadir terdiri daripada pelajar yang sedang menuntut di semester tiga (3) dan semester enam (6) di Kolej berkenaan.

GSTC merupakan salah sebuah kolej swasta yang dinaungi oleh Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT). Program akademik yang ditawarkan di kolej ini termasuklah Sijil dan Diploma di dalam bidang Geomatik serta beberapa program lain yang telah diluluskan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Objektif lawatan akademik ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para pelajar mengenai sejauh mana sumber data geospatial dapat dimanfaatkan dalam bidang geomatik. Ini sekaligus dapat menambahkan lagi pengetahuan dan kefahaman asas para pelajar dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) secara praktikal dan juga penggunaan data geospatial di kalangan agensi Kerajaan serta orang awam.

Lawatan akademik ini telah dipengerusikan oleh Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompang, Timbalan Pengarah Cawangan Polisi dan Pembangunan Standard (CPPS), MaCGDI. Pengisian lawatan akademik ini meliputi sesi pembentangan yang komprehensif oleh pegawai MaCGDI berkenaan MaCGDI dan Program MyGDI, pembentangani aplikasi-aplikasi seperti MyGDI Explorer, 1Malaysia Map, MyGOS, MyGeoName serta prosedur permohonan data di MaCGDI.

Sehubungan dengan itu, pihak MaCGDI berharap melalui perbentangan ini, para pelajar GSTC dapat menambah ilmu mengenai maklumat geospatial yang kian digunakan secara meluas dalam pengurusan sumber di pelbagai bidang. Lawatan ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.







LAWATAN DAN SESI *STAKEHOLDERS ENGAGEMENT* BERSAMA *ISKANDAR REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY* (IRDA) DAN *UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME* (UNDP)

24 OKTOBER 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA - MaCGDI telah menerima lawatan daripada pasukan projek *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dan *United Nations Development Programme* (UNDP) yang terdiri daripada empat (4) orang pegawai. Lawatan dan sesi *Stakeholders Engagement* ini telah dipengerusikan oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI dan diiringi oleh pihak pengurusan MaCGDI.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai Program MyGDI yang dibangunkan oleh MaCGDI dan juga bagi mendapatkan maklum balas mengenai projek *Iskandar Malaysia Urban Observatory* (IMUO) yang sedang dibangunkan oleh pihak IRDA.

Projek IMUO oleh IRDA merupakan salah satu 'Big Moves' yang dinyatakan dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif (CDPii) 2014-2025 di bawah 'Big Move 5: Iskandar Malaysia Urban Observatory' yang akan berfungsi sebagai pusat penyimpanan data secara berpusat, pusat ilmu pengetahuan, pusat pemantauan dan penilaian serta menyediakan pelbagai perkhidmatan teknikal kepada rakyat di Wilayah Iskandar Malaysia. IMUO kini sedang dilaksanakan secara berfasa dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan sebagai pemegang taruh sehingga tahun 2025. Justeru, MaCGDI sebagai badan penyelaras perkongsian data geospatial negara dan pelaksana Program MyGDI turut menjadi pilihan sebagai salah satu pemegang taruh oleh pihak IRDA. Pihak UNDP terlibat secara langsung bagi membantu IRDA dalam merangka kertas perancangan pembangunan IMUO.

Dalam lawatan dan sesi *Stakeholders Engagement* ini, pihak IRDA dan UNDP telah membentangkan pengenalan dan status projek IMUO serta soal jawab berkaitan MaCGDI dan Program MyGDI bagi mengumpulkan maklumat yang boleh diselaraskan bersama projek tersebut.

MaCGDI sangat berterima kasih kepada pihak IRDA dengan inisiatif yang sedang dijalankan dan berharap agar kerjasama dua hala bersama pihak IRDA serta projek IMUO berjaya direalisasikan. Lawatan ini telah diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.







LAWATAN KERJA *NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE*, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (NCRC-UUM)

27 OKTOBER 2017

Bilik Mesyuarat Permata, Aras 7, Wisma Sumber Asli

PUTRAJAYA – MaCGDI telah menerima Lawatan kerja dari Northern Corridor Research Centre, Universiti Utara Malaysia (NCRC-UUM) terdiri daripada 16 orang pensyarah dan pegawai-pegawai yang diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Rohana binti Yusof, Pengarah NCRC-UUM. Lawatan ini merupak salah satu siri jelajah yang dijalankan oleh NCRC-UUM bagi berkongsi ilmu serta mengenal pasti peluang kerjasama dengan pihak MaCGDI. Pihak delegasi telah disambut oleh Puan Hajah Norizam binti Che Noh, Pengarah MaCGDI, Sr Haji Ahmad Akhir bin Tompang, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai MaCGDI.



NCRC-UUM berperanan sebagai penggiat aktiviti penyelidikan, perundingan, latihan serta khidmat nasihat dalam bidang-bidang yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pendapatan rakyat khususnya bagi pembangunan di negeri-negeri Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan universiti amnya. Seiring dengan perkembangan teknologi geospatial yang semakin pesat, terdapat satu (1) unit GIS telah ditubuhkan di bawah NCRC-UUM bagi mengaplikasi analisis geospatial dalam penyelidikan mereka bagi memantapkan lagi unit ini.



MaCGDI sangat berterima kasih kepada pihak NCRC-UUM kerana telah memilih MaCGDI sebagai salah satu agensi untuk dikunjungi dalam siri jelajah mereka serta berkongsi pendapat berkaitan perkembangan aktiviti geospatial di negara ini khususnya di Wilayah NCER. Selain itu, pihak MaCGDI turut mempelawa NCRC-UUM untuk berkolaborasi bersama melalui kemudahan infra yang sedia ada di MaCGDI seperti penggunaan aplikasi-aplikasi MyGDI yang telah dibangunkan. Sesi lawatan ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada kedua-dua pihak.



BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM

FORMAT DAN GARIS PANDUAN SUMBANGAN ARTIKEL

Buletin Geospatial Sektor Awam oleh Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI). Sidang Pengarang amat mengalu-alukan sumbangan sama ada berbentuk artikel atau laporan bergambar mengenai perkembangan geospatial di Malaysia.

GARIS PANDUAN UNTUK PENULIS

1. Manuskrip boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

2. Setiap artikel seboleh-bolehnya mempunyai abstrak dan perlu ditulis dengan huruf condong *(italic).*

3. Format manuskrip adalah seperti berikut:

Jenis huruf (*font*)	: Arial
Saiz huruf bagi tajuk	: 12
Saiz huruf	: 10
Langkau *(spacing)*	: *Single*
Margin	: Atas, bawah, kiri dan kanan = 2.5 *cm*
Justifikasi teks	: Kiri
Lajur *(column)*	: Satu lajur setiap mukasurat

4. Sumbangan hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dalam format ***Microsoft Word*.**

5. Semua imej grafik hendaklah dibekalkan dalam format **.tif** atau **.jpg** dengan resolusi tidak kurang daripada 150 d.p.i.

6. Segala pertanyaan dan sumbangan hendaklah dikemukakan kepada :

Urus Setia:
Buletin Geospatial Sektor Awam (BGSA)
Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 PUTRAJAYA

Tel : 03-88861156
Fax : 03-88894851
Email : or.macgdi@1govuc.gov.my





Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI)
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
Aras 7 & 8, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62572 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 1156
Faks: 03-8889 4851
www.mygeoportal.gov.my